



## KENYATAAN MEDIA

### **PENGEMBALIAN SESI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN SECARA BERSEMUKA BAGI PELAJAR-PELAJAR BERUMUR 5 TAHUN HINGGA 11 TAHUN DAN PENINGKATAN KEKERAPAN UJIAN ANTIGEN RAPID TEST (ART)**

**Sabtu, 2 April 2022** – Seperti yang telah dimaklumkan dalam sidang media pada hari Isnin, 28 Mac 2022 yang lalu, pihak Kementerian Pendidikan telah pun meneliti dan membincangkan mengenai beberapa perkara berikutan dengan makluman vaksinasi bagi kanak-kanak 5 tahun hingga 11 tahun yang telah dikongsikan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan pada Sidang Media Khas, pada hari dan tarikh yang sama.

Sehubungan itu, dalam mengambil kira tren penurunan jangkitan pandemik COVID-19 di Negara Brunei Darussalam dan dengan persetujuan Jawatankuasa Pandu COVID-19, Kementerian Pendidikan dengan ini memaklumkan bahawa sesi persekolahan secara bersemuka bagi pelajar-pelajar berumur 5 tahun hingga 11 tahun tanpa mengira status vaksinasi mereka yang mengikuti pembelajaran di peringkat rendah (kerajaan dan swasta) di bawah kawalan Kementerian Pendidikan, Sekolah-Sekolah Ugama (Darjah Pra hingga Darjah 6) dan Sekolah-Sekolah Arab di bawah kawalan Kementerian Hal Ehwal Ugama serta pusat-pusat khas di bawah kawalan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan bermula pada **hari Sabtu, 14 Mei 2022**. Ini adalah bertepatan dengan permulaan Penggal Kedua Persekolahan bagi sekolah-sekolah di bawah Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Untuk makluman bersama, bermula 5 April 2022 hingga 18 April 2022, pembelajaran dan pengajaran bagi pelajar-pelajar berumur 5 tahun hingga 11 tahun ini akan masih dilaksanakan secara *Home Based Learning* atau HBL. Ini adalah bagi membolehkan pihak sekolah untuk membuat persediaan untuk menerima pelajar-pelajar 5 tahun hingga 11 tahun ini nanti apabila mereka hadir secara bersemuka ke sekolah seperti membuat perancangan dan persediaan bagi pelaksanaan ujian *Antigen Rapid Test* (ART), mengatur aktiviti kembali ke sekolah, membuat persediaan bagi menilai kompetensi pelajar terutama sekali bagi literasi dan numerasi dan lain-lain persediaan yang bersesuaian.

Sehubungan itu, sukacita dimaklumkan bahawa Cuti Penggal Pertama Persekolahan akan bermula pada hari Selasa, 17 Ramadhan 1443 bersamaan 19 April 2022 sehingga hari Jumaat, 11 Syawal 1443 bersamaan 13 Mei 2022 atau 12 Syawal 1443 bersamaan 13 Mei 2022 (tertakluk kepada jatuhnya 1 Syawal 1443).

Pada masa yang sama, Kementerian Pendidikan juga memberi kebenaran bagi Sekolah-Sekolah Antarabangsa untuk memulakan sesi persekolahan mereka secara bersemuka pada hari Isnin, 9 Ramadhan bersamaan 11 April 2022. Ini adalah bertepatan dengan bermulanya Penggal Ketiga Persekolahan bagi sekolah-sekolah tersebut.

Kementerian Pendidikan juga memberi kebenaran kepada Sekolah-Sekolah Kerajaan, Swasta Formal dan Institusi Pendidikan Swasta (IPS) Bukan Formal yang berdaftar dengan Kementerian Pendidikan (seperti kelas bimbingan atau tuisyen, kemahiran, muzik dan komputer) untuk memulakan sesi persekolahan secara bersemuka dengan memaklumkan kepada Kementerian Pendidikan.

Pengembalian sesi persekolahan secara bersemuka ini adalah dalam mengambil kira kesediaan sekolah-sekolah yang berkenaan untuk beroperasi serta kepatuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) dan garispandu yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan dan melaksanakan ujian saringan ART seperti yang telah ditetapkan.

Dalam pada itu, demi memastikan kesihatan dan keselamatan khususnya bagi pelajar-pelajar, tenaga pengajar dan kakitangan warga sekolah, Kementerian Pendidikan turut memaklumkan bahawa kekerapan pelaksanaan ujian saringan ART bagi para pelajar, tenaga pengajar dan warga sekolah adalah dengan ini ditambah dari dua (2) kali seminggu kepada tiga (3) kali dalam seminggu. Untuk tujuan ini, bekalan ART akan diagihkan oleh Kementerian Pendidikan kepada semua sekolah di bawah kawalan Kementerian Pendidikan dan melalui kementerian masing-masing bagi Sekolah-Sekolah Ugama dan Sekolah Arab serta Pusat-Pusat Khas.

Ke arah pembukaan sesi persekolahan secara bersemuka yang kini dilaratkan kepada pelajar-pelajar berumur 5 tahun hingga 11 tahun ini, sama-samalah memberikan sokongan dan kerjasama penuh agar sesi persekolahan ini dapat berjalan dengan selamat dan lancar demi kepentingan pelajar-pelajar jua. Kementerian Pendidikan akan terus bekerja rapat dengan pihak-pihak yang berkenaan, dalam memastikan kesejahteraan dan keselamatan warga Pendidikan akan sentiasa terjaga. Kementerian Pendidikan juga ingin menasihatkan para ibu bapa dan penjaga pelajar untuk sentiasa memantau kesihatan anak-anak **dan memastikan mereka tidak mengalami sebarang gejala seperti batuk, selesma dan seumpamanya sebelum pergi ke sekolah.**

Semoga dengan ikhtiar, doa dan bertawakal, suasana pembelajaran dan persekolahan akan selamat dan pelajar-pelajar, tenaga pengajar serta warga sekolah akan terhindar dari perkara-perkara yang tidak diingini.

Kementerian Pendidikan turut merakamkan penghargaan dan terima kasih di atas usaha dan dedikasi para guru dan kesefahaman serta sokongan ibu bapa serta penjaga yang tidak kendur-kendur memberikan kerjasama dalam memastikan para pelajar dapat mengikuti pengajaran dan pembelajaran dengan baik dalam apa jua kaedah yang ditentukan sesuai dengan keperluan semasa.

**-TAMAT-**

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi Korporat  
Kementerian Pendidikan  
Negara Brunei Darussalam

Rujukan: KPE/CCD/K1:2/PR/42 (M)

Tarikh: 30 Syaaban 1443H / 2 April 2022M